

Institusi latihan sedia bantu lahir graduan TEVT berkualiti

» *Majikan, industri perlu yakin tahap kemahiran pelatih*

Oleh **Petah Wazzan Iskandar**
wazzan@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

Gabungan Institusi Latihan Kemahiran Swasta Bumiputera (GILKSB) bersedia berganding bahu dengan kerajaan bagi melahirkan graduan pendidikan Teknikal dan Vokasional (TEVT) yang berkualiti.

Pengerusinya, Nordin Abdul Malek, berkata GILKSB sebelum ini ada menyuarakan kebim-

bingan pelbagai pihak terhadap kekangan serius yang dihadapi dalam pelaksanaan TEVT terutama di Kolej Vokasional (KV) dan sekolah harian.

“Jika dibiarkan, ia akan memberi kesan negatif yang amat mendalam terhadap pelajar, ibu-bapa dan guru kerana pandangan yang disuarakan lebih bersifat kesedaran nasional yang mengatasi kepentingan institusi latihan kemahiran swasta (ILKS).

“Dalam masa sama, majikan dan industri perlu diyakinkan mengenai tahap kompetensi pelajar kerana industri dan ekonomi negara, khususnya IKS sangat memerlukan tenaga kerja berkemahiran tinggi tempatan yang menepati kehendak industri,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengumumkan Jawatankuasa

Khas Ekonomi (JKE) membentangkan laporan mengandungi cadangan dan langkah tambahan bagi memastikan ekonomi negara terus berdaya tahan menghadapi ketidaktentuan ekonomi dan berada di

“

GILKSB sebelum ini ada menyuarakan kebimbangan pelbagai pihak terhadap kekangan serius yang dihadapi dalam pelaksanaan TEVT terutama di Kolej Vokasional (KV) dan sekolah harian”

Nordin Abdul Malek,
Pengerusi GILKSB

landasan pertumbuhan yang disasarkan.

Tingkat mutu pendidikan

Laporan turut mengemukakan cadangan bagi meningkatkan pendidikan serta latihan teknikal dan vokasional, menangani isu pengangguran siswazah serta pemberhentian kerja, merancang pelaburan swasta dan menentukan kesejahteraan rakyat.

Nordin yang juga Penasihat Kehormat Persekutuan Pusat-Pusat Bertauliah JPK Swasta Malaysia (FEMAC) berkata, satu Jawatankuasa Bersama Kerajaan Awam dan Swasta (3P) perlu diwujudkan secara serius untuk membolehkan matlamat dicapai dengan jayanya.

Pihaknya bersedia bekerjasama dengan kerajaan untuk menangani keperluan penambahbaikan TEVT melalui pendekatan 3P.